

Ruj Kami : ST(IP/JKE)KE/19/01/01
Tarikh : 29 September 2017

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T: +603 8870 8504 F: +603 8888 8633
Toll Free : 1-800-2222-78

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

SEMUA PENGIMPOT KELENGKAPAN ELEKTRIK

Tuan/Puan,

NOTIS PEMAKLUMAN: PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN (CERTIFICATE OF REGISTRATION) SYARIKAT YANG GAGAL MENGAMBIL TINDAKAN MELUPUS/MENGHANTAR BALIK KELENGKAPAN ELEKTRIK YANG GAGAL UJIAN KONSAINMEN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, di bawah Peraturan 97 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, kelengkapan elektrik yang diimpot masuk ke negara ini hendaklah terlebih dahulu mendapat Perakuan Kelulusan (*Certificate of Approval*) dan dilabel Peraturan 98 dengan label yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga sebelum diedar atau dijual kepada pengguna. Pada masa yang sama, kelengkapan elektrik yang diimpot hendaklah melalui ujian Konsainmen yang akan dijalankan oleh pihak SIRIM dimana kelengkapan yang lulus ujian akan diberi kelulusan untuk meletakan label keselamatan SIRIM-ST.
3. Bagi kelengkapan elektrik yang gagal ujian Konsainmen, pengimpot akan diberi tempoh selama 90 hari untuk membaikpulih kelengkapan tersebut. Sekiranya selepas tamat tempoh tersebut pengimpot masih gagal membaikpulih kelengkapan elektrik yang telah gagal ujian konsainmen itu, pihak SIRIM akan seterusnya memaklumkan kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung kegagalan ujian tersebut.
4. Setelah meneliti maklumat yang diterima dari pihak SIRIM, Suruhanjaya akan mengambil tindakan untuk membatalkan Perakuan Kelulusan kelengkapan elektrik yang gagal ujian Konsainmen. Pengimpot akan dimaklumkan tentang pembatalan tersebut dan dikehendaki melupus dengan kaedah memusnahkan atau menghantar balik ke negara asal kelengkapan yang tidak selamat tersebut. Pengimpot dikehendaki untuk

mengemukakan bukti menunjukkan kelengkapan tersebut telah dilupuskan atau dihantar pulang dalam tempoh 14 hari bekerja dari tempoh Perakuan Kelulusan dibatalkan.

5. Sekiranya mana-mana pengimpot didapati telah menjual atau mengeluarkan kelengkapan yang telah gagal ujian Konsainmen dari gudang simpanan, pengimpot dikehendaki membuat penarikan balik (*Product recall*) serta mengiklankan di akhbar-akhbar tempatan secara meluas.

6. Suruhanjaya akan mengambil tindakan selanjutnya merampas atau membatalkan Perakuan Pendaftaran (*Certificate of Registration*), seperti termaktub di bawah Sub-Peraturan 104(1)(d) Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2013 mana-mana pengimpot yang tidak mengambil tindakan untuk memusnahkan atau menghantar balik atau membuat *product recall* kelengkapan elektrik yang gagal ujian konsainmen.

Sekian, terima kasih.



(Ir. AZHAR, BIN OMAR)

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
b.p. Suruhanjaya Tenaga

s.k

1. Pengarah
Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik

2. Pengarah
Jabatan Operasi Kawasan dan Penguatkuasaan

3. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
No 1, Jalan Dato' Menteri, Seksyen 2
4000 Shah Alam Selangor

4. Presiden

Persatuan Pengedar Alat Elektrik Malaysia (MEADA)

c/o Abdullah & Zainudin

6th Floor (Right Wing), Menara Uni-Asia

1008 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

5. Presiden

Malaysian Cable Manufacturers Association (MCMA)

15A, Jalan PJS 10/24

Bandar Sri Subang

46000 Petaling Jaya

Selangor